

10 FEB 2002

SISTEM PENDIDIKAN AGAMA ISLAM JOHOR DIJADIKAN CONTOH

BANGI, 10 Feb (Bernama) -- Sistem pendidikan agama Islam di Johor akan dijadikan panduan bagi negeri-negeri lain merangka sistem pendidikan agama masing-masing, kata Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman.

Beliau berkata Jawatankuasa Agama Peringkat Persekutuan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju agar pendekatan yang diamalkan oleh kerajaan negeri dalam mengendalikan sekolah agama dijadikan contoh bagi negeri lain.

Ketika berucap pada Malam Sanjungan Budi Seuntai Kasih anjuran Persatuan Mahasiswa Johor Universiti Kebangsaan Malaysia (Permaj) di kampus universiti itu di sini, beliau berkata kerajaan negeri mengamalkan kaedah keterbukaan dalam pendidikan agama dengan membawa konsep idealisme dalam pengajian serta hal-hal masyarakat.

"Sistem pendidikan agama di Johor memberi peluang kepada pelajar belajar agama di sekolah yang sama selepas waktu pelajaran biasa dan ianya dijalankan secara tersusun dan bersepadu," katanya.

Ghani juga berkata kerajaan negeri telah menubuhkan Institut Pengajian Tinggi Agama Islam dan bahasa Arab menerusi gabungan dengan Universiti Al-Azhar, Mesir.

Beliau berkata penuntut belajar di institut itu selama tiga tahun sebelum menyambung pengajian mereka di Universiti Al-Azhar selama setahun untuk peringkat diploma dan ijazah.

Ghani kemudian berdialog dengan pelajar yang menghadiri majlis itu.

-- BERNAMA
ZMN AKT FAZ